

1980

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) — MALAYSIA HARI INI MEMINTA JEPUN MENJALANKAN KAJIAN AWAL UNTUK Mencari Gali Arang di Negara ini. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa Malaysia bermiat memajukan sumber tenaganya sendiri, terutama dari hydro, arang dan matahari.

Malaysia juga akan cuba mendapatkan bantuan Jepun dalam memajukan pelabuhan-pelabuhan kecil bagi pengangkutan arang, katanya selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Perdagangan, Perindustrian Antarabangsa Jepun, Encik Rokusuke Tanaka.

Katanya, Malaysia tidak sepatutnya berpuashati walaupun ia merupakan pengeksport minyak.

Sumber minyak Malaysia adalah kecil sementara penggunaan semakin meningkat, katanya. — BERSAMBUNG 1943/SZ

MAHATHIR-JEPUN 2 KUALA LUMPUR

Dr. Mahathir juga meminta Jepun jangan meluaskan perusahaan yang berasaskan tenaga kerana andainya Malaysia menghentikan eksploitasi minyaknya, Jepun akan kehilangan satu lagi sumber tenaga.

Beliau berkata kerana Malaysia sedang memajukan sumber tenaganya, Jepun hendaklah meluaskan perusahaannya di negara ini.

Katanya, Jepun boleh mengurangkan kegunaan tenaga dengan mengeluarkan bahan-bahan besi di Malaysia bagi kegunaan industri.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah bahawa rundingannya dengan rombongan Jepun itu meliputi empat perkara yang melibatkan kerjasama dengan Asean, terutama Malaysia.

Ini termasuk tenaga, perusahaan kecil, eksport barangan yang telah siap dari Malaysia ke Jepun dan memajukan kegunaan tenaga manusia. — BERSAMBUNG 1945/SZ

B595

MAHATHIR-JEPUN 3 KUALA LUMPUR

Dr. Mahathir menambah bahawa Malaysia juga sedang mengkaji kemungkinan menyalurkan tenaga hydro dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

Menurutnya satu pasukan dari Jerman Barat sedang menyelidiki sebanyak mana tenaga tersebut akan hilang semasa penyaluran itu dilakukan.

Mengenai perusahaan kecil, beliau berkata banyak bidang Jepun boleh menolong Malaysia memajukan perusahaan kecil.

+Kita menyedari Jepun mempunyai lebih lima juta perusahaan kecil dan Malaysia ingin tahu cara mereka menyelenggarakan-nya, + katanya.

Menurutnya, sebagai contoh, Malaysia boleh mempelajari dari Jepun perusahaan memproses dan membungkus.

Mengenai kemajuan pertanian, Dr. Mahathir berkata Malaysia ingin mendapat bantuan Jepun memajukan tanaman pokok buah-buahan iklim sederhana dan lain-lain tanaman bukit. — BERSAMBUNG 1950/SZ

Malaysia ingin membawa masuk teknologi baru dari Jepun untuk tanaman yang kemungkinan tanahnya boleh runtuh, katanya.

Beliau menambah bahawa rundingan itu juga mengkaji kemungkinan Jepun dapat menolong membangun sumber-sumber tenaga manusia di Malaysia.

Malaysia boleh mendapat pengalaman dengan bekerja di syarikat-syarikat Jepun, katanya. — BERNAMA 1953/SZ